



# **GARIS PANDUAN PENULISAN TESIS SECARA PENERBITAN**

**Sarjana Secara Penyelidikan dan Doktor Falsafah**

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

- Telah diluluskan SENAT pada 08 Mei 2019 -

## 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memberikan panduan penulisan tesis secara penerbitan yang jelas kepada fakulti/institusi di Universiti ini. Garis panduan tambahan ini terpakai kepada setiap calon yang mendaftar bagi program Sarjana secara penyelidikan atau Doktor Falsafah pada atau selepas tarikh permulaan kuatkuasa garis panduan ini. Pelajar boleh memilih sama ada menggunakan kaedah penulisan tesis secara konvensional atau secara penerbitan.

## 2.0 TAFSIRAN

Tafsiran bagi suatu perkataan yang digunakan dalam garis panduan ini adalah merujuk kepada tafsiran yang dinyatakan dalam **Peraturan Akademik Pascasiwazah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia 2016** atau apa-apa pindaan yang berkaitan selepas ini. Tambahan tafsiran adalah seperti berikut.

“**penulisan tesis secara penerbitan**” ertinya penulisan tesis yang merupakan gabungan artikel-artikel yang telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan.

## 3.0 PENULISAN TESIS SECARA PENERBITAN

Penulisan tesis secara penerbitan adalah kaedah penulisan alternatif berbanding kaedah penulisan secara konvensional. Kaedah ini adalah khusus untuk calon yang telah menerbit atau telah diterima hasil penyelidikannya di dalam jurnal tersohor dalam bidang yang diiktiraf oleh Senat dalam tempoh pengajian pelajar. Bab-bab teknikal menggunakan kaedah penulisan ini diwakili oleh artikel-artikel berkaitan dengan penyelidikan pelajar dan telah terbit atau telah diterima.

Peraturan–peraturan yang terkandung dalam garis panduan ini adalah tafsiran kepada **Perkara 18, Peraturan Akademik Pascasiwazah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia 2016** atau apa-apa pindaan yang berkaitan selepas ini.

### 3.1. SYARAT-SYARAT BAGI PENULISAN TESIS SECARA PENERBITAN

- (i) Penyelia bersetuju bahawa tesis penyelidikan yang telah dijalankan ditulis dalam bentuk tesis secara penerbitan.
- (ii) Calon perlu membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan Pusat Pengajian Siswazah untuk menulis tesis secara penerbitan.
- (iii) Calon telah menerbit atau telah diterima penerbitan artikel dalam jurnal tersohor dalam bidang yang diiktiraf oleh fakulti/institut. Namun demikian setiap disiplin memerlukan tahap impak yang berbeza bagi memastikan kualiti yang setaraf dengan peringkat pengajian, Doktor Falsafah atau Sarjana secara penyelidikan. Oleh itu semakan dan perakuan oleh pihak fakulti adalah perlu.
- (iv) Artikel perlu memenuhi skop dan objektif penyelidikan yang dijalankan oleh calon. Artikel selain yang dikira bagi syarat penulisan tesis secara penerbitan hanya boleh diterima sebagai bahan penerbitan sokongan sahaja.

- (v) Setiap artikel yang telah terbit atau telah diterima akan mewakili satu bab dalam tesis. Bahan-bahan ini mesti ditulis semula menggunakan format yang digariskan dalam **Panduan Penulisan Tesis Universiti Tun Hussein Onn Malaysia** terkini dan Seksyen 3.2.
- (vi) Bilangan artikel adalah seperti berikut:
  - (a) untuk calon Doktor Falsafah tidak kurang daripada **TIGA (3)**, di mana **DUA (2)** darinya telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan dalam jurnal berindeks SCOPUS atau ISI dan sekurang **SATU (1)** adalah kuartil Q1 atau Q2; dan
  - (b) untuk calon Sarjana secara penyelidikan tidak kurang dari **DUA (2)**, di mana **SATU (1)** darinya telah diterbitkan atau telah diterima untuk penerbitan dalam jurnal berindeks SCOPUS atau ISI dan sekurang-kurangnya **SATU (1)** adalah kuartil Q3.
- (vii) Calon perlu mendapatkan kebenaran penerbitan semula daripada penerbit artikel yang diterbitkan.
- (viii) Calon merupakan pengarang pertama (*first author*) atau pengarang yang dirujuk (*corresponding author*) bagi setiap artikel yang dinyatakan seperti di atas dan ditulis bersama penyelia.
- (ix) Calon yang mempunyai lebih dari satu afiliasi perlu meletakkan Universiti sebagai afiliasi pertama.
- (x) Bagi calon berstatus warganegara, tesis boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

### 3.2. SUSUNATUR TESIS

Susun atur untuk kaedah penulisan tesis secara penerbitan adalah merujuk kepada **Panduan Penulisan Tesis Universiti Tun Hussein Onn Malaysia** terkini kecuali cara penulisan bab penyelidikan dianjurkan adalah merujuk Seksyen 3.2. Jadual kandungan secara terperinci untuk format ini ditunjukkan di **Lampiran A**. Manakala prosedur operasi standard (SOP) adalah seperti di **Lampiran B**.

## Lampiran A

### Jadual kandungan bagi penulisan tesis secara penerbitan

#### KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>ix</b>
<b>BAB 1    PENGENALAN</b>	<b>1</b>
<b>BAB 2    KAJIAN LITERATUR</b>	<b>5</b>
2.1 Sub-tajuk 1	5
2.1.1 Sub-sub-tajuk 1	7
2.1.2 Sub-sub-tajuk 2	10
2.2 Sub-tajuk 2	15
2.3 Sub-tajuk 3	21
2.2.1 Sub-sub-tajuk 1	22
2.2.2 Sub-sub-tajuk 2	25
2.2.3 Sub-sub-tajuk 3	31
2.4 Sub-tajuk 4	33
<b>BAB 3    METHODOLOGI</b>	<b>38</b>
3.1 Sub-tajuk 1 (e.g, Kaedah 1)	38
3.2 Sub-tajuk 2 (e.g, Kaedah 2)	42
3.3 Sub-tajuk 3 (e.g, Kaedah 3)	45
3.1.1 Sub-sub-tajuk 1	48
3.1.2 Sub-sub-tajuk 2	50
3.1.3 Sub-sub-tajuk 3	53
3.4 Sub-tajuk 4 (e.g, Kaedah 4)	55
3.5 Sub-tajuk 5 (e.g, Kaedah 5)	59
3.5.1 Sub-sub-tajuk 1	62
3.5.2 Sub-sub-tajuk 2	65
<b>BAB 4    TAJUK 1</b>	<b>70</b>
Artikel 1	70
Kebenaran hak cipta / surat penerimaan	95

<b>BAB 5</b>	<b>TAJUK 2</b>	<b>96</b>
	Artikel 2	96
	Kebenaran hak cipta / surat penerimaan	120
<b>BAB 6</b>	<b>TAJUK 3</b>	<b>121</b>
	Artikel 3	121
	Kebenaran hak cipta / surat penerimaan	137
<b>BAB 7</b>	<b>TAJUK 4</b>	<b>138</b>
	Artikel 4	138
	Kebenaran hak cipta / surat penerimaan	159
<b>BAB 8</b>	<b>TAJUK 5</b>	<b>160</b>
	Artikel 5	160
	Kebenaran hak cipta / surat penerimaan	178
<b>BAB 9</b>	<b>TAJUK 5</b>	<b>179</b>
	Kajian/dapatan yang tidak diterbitkan	179
<b>BAB 10</b>	<b>KESIMPULAN</b>	<b>189</b>
	9.1 Kesimpulan dan pautan antara artikel (1-5)	189
	9.2 Penemuan penting/ sumbungan	190
	9.3 Cadangan	190
	<b>RUJUKAN</b>	191
	<b>LAMPIRAN</b>	196
	<b>VITA</b>	198

Bab-bab tambahan termasuk yang mengandungi hasil yang tidak diterbitkan boleh ditambah, jika perlu, sebelum Bab Kesimpulan.

\*Sekurang-kurangnya **DUA (2)** artikel diperlukan untuk tesis Sarjana secara penyelidikan, dan **TIGA (3)** untuk tesis Doktor Falsafah. Data yang diterbitkan dalam artikel tidak boleh bertindih.

Bab pengenalan harus merangkumi objektif, skop dan penerangan setiap artikel.

Perhatian:

- i. Artikel yang diterima/ diterbitkan mestilah asli dan hendaklah lazimnya dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS atau ISI. Artikel sedang disemak tidak dianggap sebagai artikel yang dikira bagi penghantaran tesis;
- ii. Pastikan bahawa pemeriksa dapat melihat kesesuaian dan integrasi tesis semasa menulis Pengenalan, Kajian Sastera dan Kesimpulan.

## Lampiran B

### Prosedur Operasi Standard (SOP)

